

Monopoli peniaga asing di pasar borong

# Jawatankuasa babit lima kementerian cari jalan

Tindakan segera diambil elak masyarakat terus bimbang: Salahuddin


Oleh Adnan Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Mersing:** Jawatankuasa dianggotai lima kementerian akan bermesyuarat dalam tempoh terdekat untuk mencari jalan menangani banjir serta monopoli peniaga warga asing di Pasar Borong Selayang dan Kuala Lumpur.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata selain kementerian, jawatankuasa itu turut dianggotai Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Kementerian Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata, masalah berkenaan sudah berlarutan sekian lama dan tindakan segera harus dilakukan agar tidak terus menjadi kebimbangan kepada masyarakat awam, khususnya yang berurusan secara terus di dua pasar borong terbabit.

"Banyak laporan diterima, malah saya sendiri membuat tinjauan dan mendapati hampir 90 peratus aktiviti perniagaan di kedua-dua pasar berkenaan dimo-



Salahuddin, meninjau ladang tanaman nanas MD2 melalui Projek Kluster Nanas Lestari di Tanah Abang Mersing, semalam. (Foto Adnan Ibrahim/BH)

nopoli peniaga warga asing.

"Jadi satu mesyuarat akan diadakan dalam tempoh terdekat bagi membincangkan langkah wajar yang dapat dilakukan untuk mengatasi masalah berkenaan," katanya selepas merasmikan projek Kluster Nanas Lestari Tanah Abang di Mersing, semalam.

Beliau berkata, penguasaan warga asing terhadap aktiviti perniagaan di dua pasar borong itu amat tidak baik untuk negara, di samping menekan kekebun yang terpaksa menjual hasil pada harga murah kepada mereka.

"Tiada lagi kompromi terhadap masalah seperti ini kerana ia umpama barah yang mampu me-

rebak ke seluruh negara jika terus dibiarkan," katanya.

Terdahulu ketika berucap, Salahuddin berkata Kluster Nanas Lestari hasil inisiatif Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) bertujuan menyusun semula kawasan penanaman nanas secara rasmi melalui pengurusan berpusat dan bersepadu.

"Antara objektif utama mewujudkan zon atau kluster tanaman nanas MD2 secara kekal, selain melahirkan usahawan muda kategori B40 dengan sasaran peningkatan pendapatan sekitar RM5,000 sebulan.

"Melaluinya kawasan tanah berkeluasan 121.5 hektar dipe-

mentukan, yang mana sebahagiannya akan dimajukan 12 peserta dalam kalangan B40 dengan penanaman nanas berkeluasan 10 ekar (4.04 hektar) setiap seorang," katanya.

Beliau berkata, projek berkenaan berbeza dengan penanaman nanas berkelompok lain kerana mempunyai pembabit beberapa pihak termasuk Kulim (Malaysia) Berhad selaku agensi peneraju, selain LPNM dan Agrobank yang memainkan peranan masing-masing.

"Semua peserta akan diberi pendedahan daripada LPNM dari sudut teori dan praktikal pengurusan ladang MD2, malah terus dibimbing sehingga berjaya mengeluarkan hasil," katanya.



BH TV